

Kerajaan akan isytihar darurat di Sarawak jika udara semakin kritikal ekoran jerebu teruk

IPU Sri Aman cecah paras bahaya

KUALA LUMPUR – Indeks Pencemaran Udara (IPU) Sri Aman, Sarawak semakin meningkat dengan bacaan di tahap berbahaya menghampiri 400 setakat pukul 6 petang semalam iaitu meningkat kepada 389.

Selaras dengan itu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri sudah bersedia untuk sebarang kemungkinan pengisytiharaan darurat sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara di Sri Aman melebihi 500.

Begitu juga berdasarkan portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), Kuching masih berada pada tahap IPU sangat tidak sihat dengan bacaan 213 diikuti Johan Setia Klang, Selangor iaitu 231.

Nilai, Negeri Sembilan merekodkan bacaan 206 manakala Seri Manjung di Perak menjadi



KEADAAN udara bandar Sri Aman berada pada paras bahaya sehingga mencatatkan IPU hampir 400 disebabkan jerebu yang melanda daerah itu semalam.

lokasi terbaharu sejak tengah hari semalam, mencatatkan kualiti udara sangat tidak sihat iaitu 232 berbanding 183 pada pukul 9 pagi.

Bacaan IPU antara 0 dan 50

dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam kenyataan di Putrajaya berkata, kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan masih menyebabkan jerebu merentas sempadan.

"Ia memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang pantai barat dan selatan Semenanjung Malaysia, bahagian barat Sarawak dan sekitar Tawau dan Sandakan, Sabah," kata JAS.

Menurut laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura kelmarin, imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20 menunjukkan terdapat 243 titik panas di Sumatera, 452 titik panas di Kalimantan, dan 21 titik panas di Malaysia iaitu Johor (tiga), Sabah (satu) dan Sarawak (17).

Peta Jerebu Serantau yang

dikeluarkan ASMC kelmarin juga menunjukkan rantau selatan ASEAN secara amnya dalam keadaan kering, di mana titik panas di Riau, Jambi dan Sumatera Selatan, Indonesia terus mengeluarkan asap jerebu sederhana sehingga tebal dan memberi kesan kepada pantai barat, selatan dan tengah Semenanjung Malaysia.

Di Kalimantan pula, asap jerebu sederhana sehingga tebal juga didapati berterusan daripada titik panas di bahagian Kalimantan selatan, timur, barat dan tengah.

"Sebahagian daripada asap jerebu ini telah ditiup oleh angin mengarah ke utara dan memberi kesan kepada Sabah dan Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU," kata kenyataan itu.

JAS berkata, operasi pembenihan awan dilakukan kelmarin di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. - Bernama